

PM syor setiap bandar perlu ada Pekan Rabu

JM 27 JUL 2011

ALOR SETAR 26 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, setiap bandar di negara ini perlu mempunyai Pekan Rabu seperti di bandar ini untuk melatih peniaga Melayu sebelum mengembangkan perniagaan mereka di tempat lain.

Menurut Perdana Menteri, selain mempunyai keistimewaan tersendiri, Pekan Rabu juga telah berjaya membuktikan kemampuannya dalam melahirkan golongan peniaga Melayu yang berwibawa.

“Saya berpendapat Pekan Rabu memang mempunyai daya penarik yang istimewa. Banyak orang daripada negeri-negeri lain bila datang ke Alor Setar, mereka akan membeli-belah di Pekan Rabu.

“Jadi eloklah Pekan Rabu bukan sahaja ada di Alor Setar, tetapi juga di seluruh Malaysia dan tiap-tiap bandar diwujudkan Pekan Rabu ala bazar,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-38 Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Berhad, di Holiday Villa di sini, hari ini.

Kata Perdana Menteri, kewujudan Pekan Rabu di bandar-bandar dapat memberi peluang kepada peniaga Melayu yang baru berjinak-jinak dalam perniagaan menimba pengalaman dengan mereka yang telah lama menceburi bidang tersebut.